

JPS buat persediaan hadapi tengkujuh mulai Oktober

KOTA BHARU – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan membuat persediaan lebih agresif seawal Oktober ini bagi menghadapi musim tengkujuh berikutan ramalan hujan lebih lebat pada musim berkenaan, kata Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Husaini Sulaiman (**gambar kecil**).

“Jabatan Meteorologi dan JPS memang sentiasa berhubung antara satu sama lain kerana mereka membuat ramalan tertentu dan kita mengambil kira ramalan tersebut.

“JPS perlu lebih agresif kerana keadaan hujan yang lebat daripada biasa dan kita kena cari cara untuk menangani masalah itu,” katanya selepas menghadiri majlis perasmian Persidangan Tahunan Pengurus Kanan JPS Malaysia di sini semalam.

Ahmad Husaini berkata, JPS kini giat memeriksa peralatan dan sistem yang dipasang jabatan itu untuk memantau



paras air di sungai-sungai utama di seluruh negara sebagai salah satu langkah untuk memberikan maklumat terkini kepada orang ramai.

“Peralatan itu mesti berada dalam keadaan terbaik untuk kita membuat rekod yang sesuai dan disimpan bagi menghadapi musim tengkujuh dan membuat ramalan tertentu.

“Ini kita sentiasa buat pada setiap tahun terutama di Kelantan, Terengganu dan Pahang,” katanya.

Mengulas mengenai hakisan pantai yang kerap berlaku di negara ini, Ahmad Husaini berkata, kawasan pantai timur Semenanjung berada dalam keadaan yang agak kritikal kerana berhadapan dengan Laut China Selatan.

“Di Kelantan, ada beberapa bahagian pantai yang telah dihakis. Kita juga kena lihat bagaimana hendak selesaikan dan berapa kos untuk menyelesaikan masalah tersebut,” katanya. – Bernama



JPS akan membuat persiapan awal bagi menghadapi musim tengkujuh dan kemungkinan banjir mulai bulan depan. – Gambar hiasan